



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel : 603-61262020 No Faks : 603-61383650 Email : fama@fama.gov.my

FACTSHEET

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DI ANTARA FAMA DAN TH GLOBAL SERVICES SDN BHD BAGI KERJASAMA STRATEGIK DALAM PENEROKAAN PASARAN PRODUK AGRO MAKANAN KE ARAB SAUDI DAN NEGARA GULF COOPERATION COUNCIL (GCC)

LATAR BELAKANG

- **Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)** akan menjalinkan usahasama strategik dengan **TH Global Services Sdn. Bhd. (THGS)** untuk memasarkan produk agro makanan Halal keluaran usahawan Malaysia (PKS) ke pasaran Arab Saudi dan negara Gulf Cooperation Council (GCC).
- Projek ini akan bermula pada musim haji tahun 1438H (tahun masehi 2017).
- Segmen pasaran tumpuan ialah *food catering services* (Tabung Haji Kitchen), *vending machine* (*tempat penginapan jemaah haji*) dan saluran peruncitan.
- Untuk Fasa Pertama, usahawan telah disaring dan dipilih berdasarkan kepada kriteria berikut :
 - a. Keupayaan pengeluaran yang konsisten.
 - b. Produk (Menarik dan berpotensi).
 - c. Memenuhi pensijilan kualiti.

OBJEKTIF

Merintis ruang pasaran produk Agro Makanan Halal keluaran Malaysia ke Arab Saudi dan negara GCC.

TEMPOH KERJASAMA

3 tahun bermula tarikh ditandatangani.

PERANAN

FAMA:

- a. Mengenalpasti usahawan yang mempunyai produk sesuai untuk pasaran Arab Saudi dan negara GCC (*Gulf Countries Council*) dengan menitikberatkan kapasiti pengeluaran dan konsistensi kualiti produk.
- b. Mengadakan sesi saringan produk.
- c. Membantu menyelaraskan persediaan dokumen 'pre-clearance' produk dan pengubahsuaian pembungkusan serta pelabelan mengikut keperluan pihak berkuasa Arab Saudi dan negara GCC (*Gulf Countries Council*).
- d. Mengurus dokumentasi dan logistik hantaran produk.
- e. Melaksanakan program sokongan promosi untuk membangunkan pasaran di Jeddah.

TH Global Services Sdn. Bhd.:

- a. Sebagai pengantara bagi penerokaan produk Halal Malaysia ke Arab Saudi dan negara GCC (*Gulf Countries Council*).
- b. Menyelaraskan bekalan produk Halal ke pasaraya dan sektor perkhidmatan makanan di Arab Saudi khususnya di Jeddah sebagai permulaan dan seterusnya ke lain-lain wilayah Arab Saudi serta negara GCC (*Gulf Countries Council*).
- c. Mengenalpasti pembeli berpotensi di Jeddah dan negara GCC (*Gulf Countries Council*).
- d. Jalinan kerjasama dengan *Jeddah Chamber of Commerce* bagi perkara berikut :
 - i. Pengesahan pembeli berpotensi (*Buyer Verification*).
 - ii. Maklumat terkini pasaran di Arab Saudi & negara GCC (*Gulf Countries Council*).
 - iii. Peraturan / prosedur terkini berkaitan import ke Arab Saudi & negara GCC (*Gulf Countries Council*).

FASA PERLAKSANAAN

Fasa 1 :

- Hantaran produk rempah masakan premix untuk operasi katering muassasah bagi musim Haji 1438H.
- 14 Stock Keeping Unit (SKU) terlibat daripada 3 syarikat.
- Hantaran pada 8 Jun 2017.
- Kuantiti berat : 25 tan metrik.
- 1 kontena 40' dan 1 kontena 20'
- Jangkaan tiba ke pelabuhan King Abdullah pada 28 Jun 2017.

Fasa 2 :

- Hantaran 90 SKU produk usahawan melibatkan 30 syarikat.
- Saluran pasaran pasaraya terkemuka dan *vending machine* di hotel yang menempatkan Jemaah umrah Malaysia.
- Penglibatan FAMACorp dalam pembekalan produk Agromas ataupun sebagai pengeksport.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Bilangan Usahawan Terlibat

3 Usahawan

Kategori Produk

Rempah Masakan Premix

Bilangan Stock Keeping Unit (SKU)

14 SKU

Kuantiti Hantaran

25 Tan Metrik

Tarikh Hantaran Percubaan

8 Jun 2017

Misi Pemasaran FAMA-THGS ke Jeddah dan Makkah

6 hingga 12 Mac 2017

Sasaran Jualan

2017-2019

- a. Food Catering Services = SR 1,500,000
- b. Vending Machine = SR 2,000,000
- c. Saluran Peruncitan = SR 3,000,000

SR – Saudi Riyal